

Suara

EDISI JUN - DISEMBER 2022



MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MITASA

**50 TAHUN
SETIA
BERSAMA
ANAK BANGSA**



KUNJUNGAN HORMAT

Bukan hanya mengadakan aktiviti bermanfaat untuk ahli, namun Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) juga telah mengadakan beberapa kunjungan hormat kepada beberapa pihak tahun ini bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan dalam memantapkan lagi perkhidmatan kakitangan akademik UiTM.

Antaranya ialah kunjung hormat ke atas Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UiTM Prof Datin Dr. Suzana Sulaiman. Selain itu, MITASA juga turut mengadakan pertemuan dengan rektor-rector kampus seluruh Malaysia dan antara salah satu program bersama ahli ialah Sembang Santai Presiden MITASA bersama ahli MITASA UiTM Sarawak, Disember lalu.

Bukan sahaja pentadbir UiTM, MITASA selaku sekretariat MPPA juga telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr. Husaini Omar, Julai lalu. Pelbagai input dibincangkan kedua-dua pihak bagi menghasilkan modal ilmu yang berguna untuk masa hadapan.



SAMBUTAN HARI AKADEMIA DI PAHANG



Pada 5 Oktober lalu, MITASA turut menganjurkan 'Morning Tea' Sempena Hari Akademi 2022 di D'Tasek Sate Pak Harun, Raub Pahang yang

dihadiri 30 akademik Pahang. Tujuan penganjuran berkenaan adalah untuk meraikan para akademik sempena Hari Akademi 2022.



MITASA SERTAI KONVENSyen AKADEMIK KEBANGSAAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2022 (KAKUAM 4)



Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) yang juga merupakan ahli gabungan Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) telah menghantar delegasi bagi menyertai Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia 2022 (KAKUAM 4). Penganjuran KAKUAM 4 kali ini telah dianjurkan oleh MAAC dengan dibantu oleh PPAUPM dan diadakan di Auditorium Rashdan Baba, UPM, Serdang pada 6 Oktober 2022. Matlamat penganjuran KAKUAM 4 adalah sebagai tempat persidangan di kalangan persatuan kakitangan akademik universiti awam, serta ahli akademik untuk duduk dan berbincang tentang isu dan cabaran dihadapi staf akademik, sekaligus mencari cadangan untuk mengatasinya

menerusi resolusi yang disediakan hasil maklumbalas ahli.

Program sehari ini antara lain menampilkan ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr. Raduan Che Rose. Dua forum telah diadakan iaitu "Meningkatkan Martabat Ahli Akademik" dimana Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah turut dijemput sebagai ahli panel. Forum kedua pula ialah "Kecemerlangan Ahli Akademik".

Umumnya, KAKUAM 4 adalah merupakan platform yang disediakan bagi semua pemegang taruh untuk bersama-sama menyumbang ke arah mempertingkatkan martabat ahli akademik.